

**DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUANTAN
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
KES JENAYAH NO: CA-83D-91-01/2017**

ANTARA

PENDAKWARAYA

LAWAN

**MUHAMMAD FARIZUL BIN ISMAIL
[No. Kad pengenalan: 880519-06-5651]**

NOTA KETERANGAN

PENGENALAN

Di dalam kes ini, tertuduh telah dituduh dengan tiga (3) pertuduhan iaitu pertuduhan pertama di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama, pertuduhan kedua di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(2) Akta yang sama dan pertuduhan ketiga di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(2) Akta yang sama.

Pertuduhan di atas telah dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh. Mahkamah berpuashati tertuduh faham pertuduhan yang dibacakan dan minta dibicarakan. Perbicaraan dijalankan dengan tertuduh diwakili oleh seorang Peguambela.

Perbicaraan di peringkat kes Pendakwaan telah dijalankan dengan enam (6) orang saksi Pendakwaan hadir memberi keterangan iaitu:

- SP-1 : Pn. Zarida binti Zahari –Ahli kimia.
- SP-2 : En. Annuar bin Abdullah – Pengadu/pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).
- SP-3 : Konst. 102478 Norizan bin Abu Bakar – Stor barang kes.
- SP-4 : L/Kpl. RF/ 139076 Tuan Mohd Zaid bin Tuan Besar – Jurugambar.
- SP-5 : Ins. G/ 19083 Yunus bin Mohamad – Pegawai tangkap.
- SP-6 : Ins. G/ 22243 Raimon bin bakar – Pegawai penyiasat.

Di akhir kes Pendakwaan, dalam menentukan sama ada suatu kes Prima Facie telah berjaya dibuktikan melalui saksi-saksi Pendakwaan, ujian yang perlu digunapakai ialah, Mahkamah mesti meletakkan kepada dirinya soalan: Adakah keterangan pihak pendakwaan yang ada mencukupi untuk mensabitkan Tertuduh jika dia memilih untuk berdiam diri. Jika jawapannya berbentuk afirmatif maka suatu kes *prima facie* telah dibuktikan (*Ahmad Najib bin Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800, *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2004] 1 LNS 517; [2005] 1 AMR 321 dan *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457).

Dalam kes hari ini. Mahkamah mendapati suatu kes Prima Facie telah gagal dibuktikan oleh Pihak Pendakwaan melalui saksi-saksi Pendakwaan di bawah semua seksyen yang dipertuduhkan ke atas tertuduh.

Seterusnya, tertuduh telah dilepas dan dibebaskan daripada semua pertuduhan tanpa diperintahkan untuk membela diri. Pendakwaan telah tidak berpuashati ke atas keputusan Mahkamah ini dan mengemukakan rayuan ini.

FAKTA KES

Pada 16-08-2016 jam lebih kurang 1.30 pagi, SP-2 bersama 10 orang anggota Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah membuat serbuan di rumah alamat No. 176 Felda Lepar Hilir 01, Kuantan, Pahang. Semasa serbuan,

selain tertuduh yang berada di dalam rumah tersebut, terdapat ibu, ayah juga sepupu kepada tertuduh. SP-2 membuat pemeriksaan di dalam bilik bahagian hadapan rumah yang berkunci dengan cara mengopok pintu bilik tersebut kerana kunci bilik tidak ditemui.

Hasil pemeriksaan di dalam bilik yang berkunci tersebut, SP-2 menemui tujuh (7) paket plastik lutsinar berisi serbuk dan ketulan kristal disyaki dadah, dua (2) paket plastik lutsinar mengandungi serbuk ketulan putih, satu (1) balutan kertas putih dan wang tunai pelbagai dominasi berjumlah RM9, 213.00 di atas lantai. Tetuduh ditangkap dan dibawa balik ke pejabat AADK Kuantan untuk tindakan lanjut. Laporan polis dibuat sebagaimana Gambang Report 2350/16. Seterusnya tertuduh dan barang rampasan diserahkan kepada SP-5 yang kemudiannya membuat tangkapan semula sebagaimana Kuantan report 24521-24522/16.

Kes disiasat oleh SP-6. Pada tarikh 18-08-2016, SP-6 telah pergi ke alamat tempat kejadian dan membuat rampasan barangan peribadi tertuduh iaitu sehelai baju, sehelai seluar dan kad rawatan kesihatan atas nama tertuduh. Rampasan dilakukan di dalam bilik tempat dadah ditemui. Seterusnya pada tarikh 19-08-2016, SP-6 telah menghantar barang kes ke Jabatan Kimia Kuantan. SP-6 kemudiannya telah menerima semula barang kes pada 09-01-2017 beserta laporan kimia.

Mahkamah berpuas hati bahawa intipati dadah tersebut adalah dadah berbahaya yang tersenarai di dalam [Seskyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952](#)

telah berjaya dibuktikan. Ahli Kimia telah memberi keterangan sedemikian dan mengesahkan bahawa hasil penganalisaan beliau mendapati tujuh (7) paket plastik lutsinar berisi bahan serbuk dan ketulan Kristal mengandungi 24.38 gram Methamphetamine. Manakala dua (2) paket plastik lutsinar masing-masing berisi bahan serbuk dan ketulan putih mengandungi 0.05 gram heroin dan 0.01 gram Monoacetylmorphines. Methamphetamine, Heroin dan Monoacetylmorphine disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. OKT kemudiannya telah dituduh di Mahkamah ini.

ALASAN PENGHAKIMAN

Berikut adalah alasan-alasan Mahkamah dalam melepas dan membebaskan tertuduh di akhir kes pendakwaan:

1. Elemen milikan dan kawalan eksklusif.
2. Elemen niat dan pengetahuan.
3. Nexus antara tertuduh dan barang kes yang ditemui.

Elemen ini akan diperjelaskan satu persatu.

1. Elemen kawalan.

Pendakwaan menghujahkan bahawa tertuduh mempunyai kawalan terhadap dadah tersebut. Ini kerana pertamanya, semasa serbuan dijalankan, ayah tertuduh menyatakan bahawa bilik tempat dadah ditemui adalah bilik tertuduh dan kunci hanya dimiliki oleh tertuduh seorang sahaja.

Alasan kedua adalah kerana SP-6 menemui barang-barang peribadi milik OKT di dalam bilik tersebut iaitu sehelai baju, sehelai seluar dan kad rawatan kesihatan atas nama tertuduh. Pendakwa menghujahkan ini telah jelas menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap bilik di mana dadah dirampas.

Pembelaan menghujahkan bahawa semasa tangkapan, tertuduh ditahan di bilik belakang rumah dan tiada sebarang dadah dijumpai di dalam bilik di mana tertuduh ditangkap. Semasa tertuduh ditahan, ayah, emak, abang dan sepupu tertuduh turut berada di dalam rumah tersebut. Tambahan pula tiada kesan cap jari ditemui di atas eksibit-eksibit yang dirampas. Rujukan dibuat kepada kes-kes: (*PP v Mohd Zambri bin Mohd Zelah [2005] 2 AMR 23*; *PP v Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086*).

Memandangkan dalam kes ini tertuduh dituduh berseorangan, sebelum Mahkamah menilai isu kawalan, jagaan dan milikan ini, Mahkamah haruslah menentukan bahawa dadah yang ditemui adalah eksklusif kepada tertuduh sahaja *Leow Nghee Lim v. Reg. [1955] 1 LNS 53*; *Chan Pean Leon v. Public Prosecutor [1956] 1 LNS 17*. Ini juga memberi makna bahawa dadah yang ditemui digunakan sepenuhnya ("actual use") secara eksklusif oleh tertuduh dan tertuduh sekaligus telah mengenyahkan kemungkinan akses oleh orang lain (*Abdullah Zawawi bin Yusoff v. Public Prosecutor [1993] 4 CLJ 1*; *Azizan Yahaya v. PP [2012] 8 CLJ 405*, *PP v. Tukiman Demin [2008] 8 CLJ 856*)

Mahkamah melihat kepada fakta berkenaan bilik tempat dadah ditemui terlebih dahulu. Berdasarkan soal siasat yang dijalankan oleh SP-2 ke atas ayah tertuduh, ayah tertuduh menyatakan bahawa kunci bilik dimiliki oleh tertuduh. Namun sepanjang proses tangkapan dan rampasan, tiada sebarang fakta menunjukkan bahawa kunci ditemui pada tertuduh atau dalam mana-mana bahagian rumah tersebut. SP-2 seterusnya membuat kesimpulan mudah bahawa tertuduh enggan memberikan kerjasama berkenaan kunci bilik tersebut.

Pada hemat Mahkamah, dalam keadaan bilik tempat dadah ditemui ini berkunci dan kunci gagal ditemui pada tertuduh, Mahkamah tidak dengan mudah boleh membuat inferens bahawa bilik dan dadah adalah di bawah kawalan, jagaan dan milikan tertuduh secara eksklusif dan tertuduh adalah pengguna bilik secara mutlak. Fakta bilik berkunci ini juga tidak menunjukkan bahawa tertuduh berupaya untuk berurusan dengan bahan dadah tersebut.

Malahan lebih meragukan adalah, siasatan SP-2 lebih menjurus kepada tertuduh sahaja sedangkan terdapat ahli keluarga lain di dalam rumah tersebut semasa serbuan dijalankan. Persoalan yang belum terjawab, mengapakah siasatan tidak menjurus juga kepada ayah, emak, adik-beradik juga sepupu tertuduh yang turut berada di dalam rumah tersebut dan lebih hampir kedudukannya dengan bilik tempat dadah ditemui? Ini kerana, mereka semua berada di ruang tamu rumah dan melihat kepada kedudukan dalamajah kasar, ruang tamu ini lebih hampir dengan bilik tempat dadah ditemui.

Hanya disebabkan ayah tertuduh memberitahu SP-2 semasa soal siasat dijalankan bahawa kunci bilik berada pada tertuduh, ia tidak sekaligus menjadikan barang kes adalah di bawah jagaan dan kawalan eksklusif tertuduh. Soal siasat yang dinyatakan oleh SP-2 terhadap ayah tertuduh juga harus dinilai secara berhati-hati apabila tiada keterangan menunjukkan bahawa amaran telah diberikan kepada ayah tertuduh. Tambahan pula, ayah tertuduh tidak dipanggil untuk memberikan keterangan di dalam Mahkamah secara bersumpah bagi mengesahkan soal siasat yang dijalankan ini.

Kini, Mahkamah beralih kepada fakta penemuan barang peribadi tertuduh di dalam bilik tempat dadah dirampas. Mahkamah dalam menilai pembuktian kes ini tidak terikat kepada bukti langsung malahan juga mengambilkira "*circumstantial evidence*" yang ada. Dalam kes ini, jikalau pun ada barang milik tertuduh di dalam bilik tersebut, ia bukanlah satu bukti konklusif dan bukti langsung "*direct evidence*" bahawa bilik dan dadah yang ditemui adalah di bawah jagaan, kawalan atau milikan eksklusif tertuduh.

Ini kerana, tiada keterangan menunjukkan bahawa barangan peribadi tertuduh telah berada lebih lama di dalam bilik tersebut sebelum dadah ditemui. Garis masa ini penting bagi membuktikan bahawa tertuduh menggunakan bilik tersebut sebelum serbuan dan rampasan dilakukan bagi mengaitkan dadah yang ditemui adalah dalam kawalan tertuduh.

Pada hemat Mahkamah, fakta berkenaan bilik beserta bahan dadah yang ditemui tidak menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai kawalan, jagaan atau milikan yang mutlak dan eksklusif ke atasnya.

2. Elemen niat dan pengetahuan.

Bagi elemen niat dan pengetahuan, kedua-dua '*physical element*' and '*mental element*' haruslah wujud dalam kes ini. Bagi '*physical element*', tertuduh bukan sahaja diletakkan dalam keadaan mempunyai jagaan ke atas sesuatu barang dan berupaya untuk berurusan dengan barang itu. Malah, tertuduh juga mempunyai pengetahuan ('*mental element*') tentang kewujudan barang, di manakah barang itu berada dan kausa untuk berurusan dengan barang tersebut (*Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17; PP v. Abdul Rahman bin Akif [2007] 4 CLJ 337*).

Niat adalah perkara hakikat yang bukan dapat dibuktikan dengan bukti langsung. Ia hanya dapat dibuktikan dengan kesimpulan dari keadaan sekitar (*surrounding circumstances*) (*PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337; Ramis a/l Muniandy v. Public Prosecutor [2001] 3 SLR 534*).

Di dalam kes ini, fakta kes menunjukkan bahawa tertuduh ditangkap di bahagian ruang tamu rumah. Sejurus sebelum serbuan dibuat, tertuduh keluar dari bilik bahagian belakang rumah, bukan dari bilik berkunci tempat dadah ditemui. Kedudukan tertuduh ini juga adalah terlalu '*remote*' dengan bilik

tempat dadah ditemui apatah lagi terlalu *'remooote'* untuk kaitkan pengetahuan tertuduh mengenai dadah yang berada dalam bilik yang berkunci tersebut.

Kunci bilik juga tidak ditemui pada atau berhampiran dengan tertuduh bagi menunjukkan tertuduh mempunyai pengetahuan tentang kewujudan dadah dalam bilik tersebut. Kunci bilik juga tidak ditemui pada mana-mana bahagian dalam rumah tersebut. Fakta ini tidak menolak inferens bahawa kunci dikawal oleh seseorang yang tidak berada di rumah tersebut.

Fakta juga menunjukkan bahawa tertuduh tidak berseorangan dalam rumah malah terdapat ahli keluarga yang lain. Ini menolak kemungkinan bahawa tertuduh *'has the power to exclude other persons from the enjoyment of the property'* dan kemungkinan yang tidak disangkal adalah wujudnya orang lain yang mempunyai *'enjoyment of property'*. Fakta ini sekaligus menunjukkan bahawa tertuduh tiada pengetahuan mengenai kewujudan dadah yang dirampas.

Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh telah menunjuk arah, ([s.27 Akta Keterangan 1950](#)), anggota serbuan kepada tempat penemuan barang kes. Inferens yang boleh dibuat adalah tertuduh tidak memiliki pengetahuan mengenai barang kes yang dikatakan di dalam biliknya. Tiada juga keterangan OKT "over act" atau "conduct" ([s. 8 Akta Keterangan 1950](#)) seperti lari, cemas atau apa juga usaha dilakukan oleh tertuduh bagi menggagalkan tangkapan ke atasnya yang boleh menunjukkan pengetahuan dan niat tertuduh memiliki barang kes tersebut.

Untuk Mahkamah menyusun semula fakta di atas, kesimpulan yang tidak dapat ditarik atau disanggah adalah tertuduh tiada pengetahuan tentang barang kes yang ditemui.

3. Nexus antara OKT dan barang kes yang ditemui.

Fakta menunjukkan bahawa kunci bilik tidak ada bersama atau berhampiran tertuduh. Dengan adanya fakta ini sahaja sudah menunjukkan tiadanya nexus tertuduh dengan bilik tempat dadah ditemui. Jikalaupun adanya barang yang dikatakan milik tertuduh dalam bilik tersebut, Pendakwaan belum cukup membuktikan nexus tertuduh dengan barang kes yang ditemui. Ini kerana, terdapatnya garis masa antara dadah ditemui dan barangan peribadi tertuduh itu ditemui.

Tertuduh juga ditangkap di bilik belakang rumah, bukan di bilik tempat dadah ditemui. Ini menunjukkan tiada nexus antara tertuduh yang berada di bilik belakang dengan barang kes yang ditemui di bilik bahagian hadapan rumah.

Bergantung sepenuhnya kepada kad rawatan kesihatan dan baju yang ditemui dalam bilik semata-mata tidak secara langsung membuktikan bilik dihuni oleh tertuduh seorang sahaja. Ini kerana tiada langsung kesan-kesan dadah ditemui pada barang peribadi tertuduh jika benar tertuduh mengendalikan bahan dadah tersebut. Fakta ini juga menunjukkan bahawa tiada nexus antara tertuduh dengan barang kes yang dirampas.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan saksi-saksi Pendakwaan dan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini penuh percaya dan yakin keputusan yang diberikan adalah adil dan munasabah menurut peruntukan undang-undang serta wajar dikekalkan.

Disediakan oleh:

t.t

NURUNAIM BINTI ABDULLAH

Majistret,

Mahkamah Majistret Kuantan,

Pahang Darul Makmur.

Tarikh: 14 September 2018

Pihak-pihak:

Pn. Khalijah binti Mohd Khalid

Timbalan Pendakwaraya,

Negeri Pahang.

pendakwaan.

...bagi

pihak

Dato' Bob Arumugam.

Tetuan Bob Arumugam & Co,
Kuantan.
tertuduh.

...bagi pihak